

07 OCT 2003

FELDA-BSKL

USAHA MENYENARAikan FELDA HOLDINGS DI BSKL BERJALAN LANCAR

KUALA LUMPUR, 7 Okt (Bernama) -- Usaha untuk menyenaraikan Felda Holdings Bhd di Papan Utama Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) berjalan lancar dan pelan penyenaaraiannya akan diserahkan kepada Kementerian Kewangan mengikut jadual.

Pengerusi Felda (Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan), Tan Sri Dr Mohd Yusof Noor, berkata selepas penilaian aset dan hal-hal lain yang berkaitan dengan penyenaaraiannya, Felda Holdings dijangka akan disenaraikan menjelang awal tahun depan.

Penyenaraian ini akan memberi faedah kepada hampir setengah juta peneroka Felda dan keluarga masing-masing, katanya kepada sidang media selepas menyaksikan pemeterian memorandum persefahaman (MOU) antara KFC Holdings (Malaysia) Bhd dan Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM), di sini hari ini.

Beliau turut memberi jaminan bahawa penyenaaraiannya itu tidak akan menjejaskan tanah milik peneroka. Sebaliknya, keputusan kerajaan untuk menyenaraikan Felda Holdings adalah sebagai ganjaran dan pengiktirafan kepada para peneroka, katanya.

Cadangan penyenaaraiannya Felda Holdings diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika membentangkan Bajet 2004 pada 12 Sept. lepas.

Sehari selepas itu, Menteri Kewangan II Datuk Dr Jamaludin Jarjis memberitahu bahawa penyenaaraiannya Felda Holdings akan dibuat menjelang hujung tahun ini selepas suntikan aset-aset utama Felda, termasuk 354,554 hektar tanah ladang serta ekuiti dalam anak syarikat dan syarikat bersekutu Felda, ke dalam Felda Holdings.

Sementara itu, mengenai MOU yang dimeterai antara KFC dan KUIM, pengerusi eksekutif kumpulan KFC, Datuk Izhar Sulaiman, berkata MOU itu bertujuan untuk mengadakan rangka kerja bagi kedua-dua pihak melibatkan diri dalam penyelidikan bersama dalam bidang kepentingan bersama.

KFC juga akan memberikan peluang kepada pelajar KUIM mendapatkan pekerjaan sambil di restoran KFC, Pizza Hut, Kedai Ayam dan Rasa Ayam untuk meraih pengalaman sebagai sebahagian keperluan ko-kurikulum mereka.

KFC juga akan meminjamkan pakar dan menyediakan pensyarah jemputan dalam bidang kursus yang berkaitan dengan ditawarkan oleh KUIM dan menerima kakitangan KUIM untuk latihan industri.

KUIM merupakan universiti awam ke-12 Malaysia. -- BERNAMA

TNS SD JR